

02/07/2001

ISA perlu untuk kekalkan perpaduan

Syed Saifuddin Syed Harman

SEBAGAI rakyat Malaysia yang cintakan kebebasan dan keamanan, saya menyokong Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dipertahankan.

Saya yakin majoriti rakyat Malaysia yang berfikiran waras, celik politik dan hidup dalam masyarakat majmuk berbilang budaya, adat dan agama, mempunyai persepsi dan pendirian sama dengan saya.

Saya sedih mengenangkan kejahatan puak yang tidak berhenti-henti bercakap memanasakan isu ISA.

Mereka tidak mahu menerima hakikat bahawa wujudnya ISA hingga kini adalah sebahagian daripada kehendak majoriti rakyat yang membuat keputusan menerima pemakaian akta ini dengan mengundi dan menyokong kerajaan dalam setiap pilihan raya umum yang lalu.

Pada pandangan saya, kerajaan tidak perlu melayan kerenah puak yang kecewa dan berjiwa "desperado" kerana semakin dilayan, semakin menjadi-jadi riuh dan soraknya.

Ucapan syabas patut diucapkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan barisan kepimpinan negara yang tidak berganjak dengan pendirian bahawa ISA masih diperlukan dalam menangani masalah perpaduan dan keselamatan negara.

Kita akui ancaman komunis sudah lama berkubur tetapi ancaman keselamatan daripada puak reformasi jalanan yang melanda negara sama bahayanya dengan ancaman komunis jika tidak ditangani segera.

Apa tidaknya, kalau ancaman komunis boleh ditentang dengan peluru dan meriam, tetapi apa pula caranya untuk mengekang ancaman dan muslihat puak reformasi yang menentang kerajaan, terutama dalam isu ISA?

Pengekangan dibuat haruslah seperti menarik rambut dalam tepung. Pada masa sama, jika keadaan bertambah runcing, ketegasan dan keberanian bertindak secara lebih agresif perlu dilaksanakan.

Kita sedar dalam negara yang mengamalkan demokrasi, penyertaan parti pembangkang dalam proses pilihan raya dan membuat teguran serta cadangan bagi menentukan dasar pemerintahan digalakkan.

Walaupun begitu, kita harus ingat penentangan terhadap dasar dan undang-undang negara harus dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan etika politik yang tinggi serta bermaruah.

Pembangkang perlu ingat bahawa amalan demokrasi yang dianuti di negara ini bukanlah kebebasan mutlak untuk melakukan apa saja keburukan demi memuaskan kehendak politik masing-masing.

Demokrasi kita ialah demokrasi mengikut acuan dan kehendak rakyat. Ia bukan saduran atau ciplak demokrasi ala Uncle Sam ataupun Estrada.

Sebagai rakyat Malaysia berjiwa patriotik, saya menyeru agar kita berani dan bangun beramai-ramai menentang sebarang tindakan pihak pembangkang yang dianggap keterlaluan dan boleh memudaratkan keselamatan negara.

Memang benar hak kebebasan bersuara dan berkumpul termaktub dalam Perlembagaan negara.

Tetapi, apa yang lebih penting ialah bagaimana menentukan kebebasan itu supaya jangan sampai menjahanamkan keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Pihak pembangkang perlu sedar golongan majoriti rakyat juga mempunyai hak bersuara dan bebas daripada sebarang tekanan politik reformasi jalanan.

Oleh itu, jika timbul laungan tegas rakyat supaya tindakan keras diambil terhadap kumpulan pengacau ini, ISA adalah salah satu tonik istimewa yang mampu membantu meredakan keadaan.

Sejak kebelakangan ini, parti Keadilan dengan bantuan Pas selalu bertempik membawa berita kononnya demokrasi dan hak asasi manusia sudah berkubur di Malaysia.

Mereka lupa pembangkang dalam banyak keadaan dibenarkan berhimpun berceramah memaki-hamun kerajaan dan pihak keselamatan.

ISA adalah perisai untuk menangkis dan menjadi ubat penawar yang mujarab melegakan penyakit senang berjangkit.